

Jangan biar Islam dipijak

Apa hak ultra kiasu untuk campur tangan atau menentukan cara hidup dan hal ehwal Melayu Islam

sedangkan Melayu Islam adalah Peribumi di tanah air ini, manakala mereka adalah penghijrah?

Kita tidak pernah menyekat ultra kiasu mahu hidup mengikut cara apa. Hatta, memakai pakaian sesingkat dan sependek-pendeknya. Kenapa bila bab berkaitan kehidupan orang Islam mesti diertang? Alasan apa mereka mahu mengarahkan Melayu mesti buat itu, mesti buat ini?

Malah jika orang Melayu cenderung kepada Arabisasi sekali pun itu hak dia. Mengapa ultra kiasu gatal punggung?

Kenapa apabila pemimpin Melayu berpakaian Cina atau Kurta (India) atau makan bersepit, semasa berkunjung 'meraikan' hari raya mereka, tidak pula dikatakan proses Cinanisasi atau Indianisasi, malah dipuji dengan kata-kata inilah Islamnya?

Pernakah terlintas di hati pemimpin MCA, Gerakan dan ultra kiasu untuk memakai baju Melayu dan bersongkok ketika berhari raya di rumah kita?

Namun, bila ada orang Melayu berpakaian ala Arab, ultra kiasu berkata ini Arabisasi. Apakah cenderung kepada budaya Arab itu satu kekhinaan? Ingat! Kita ada Raja-Raja berketurunan Arab.



buka minda
RIDHUAN TEE
ABDULLAH

Sebenarnya ultra kiasu mahukan Melayu jadi apa? Justeru, sesiapa sahaja yang bersekolokol dengan ultra kiasu

dalam mencampuri hal ehwal Islam mesti dibenarkan supaya mereka tidak boleh bangun lagi. Mereka ini seperti parasit.

Inilah tindakan yang perlu dilakukan oleh umat Islam dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak lama lagi. Jangan biarkan kemenangan berpilih kepada Parti Amanah Negara (Amanah) dan Pakatan Harapan (PH) kerana ini akan menjadi mereka serakin bongkak.

Strategi ini mesti dirancang jika Pas dan Umno mahu mengamalkan politik matang. Apa yang boleh dilakukan? Jika dalam tempoh berkempen ini, Umno dan Pas

berasakan kemenangan bukan milik salah satu daripada mereka, cadangan saya, korban satu. Sama ada Pas atau Umno yang menang. Bernaman Amanah buat selama-lamanya.

Jika resipi politik matang ini berjaya, pilihan raya umum akan datang, pasti milik umat Islam. Kita mesti bertindak untuk mengemukakan telur ultra kiasu. Jika tidak, pengaruh Pas dan Umno akan semakin terhakis. Pertarungan dua PRK menentukan corak politik akan datang.

Ya, saya tidak nafikan, menang atau kalah, Amanah dan PH pasti akan beri berbagai-bagai alasan bagi menutup maruah mere... Namun, jika mereka kalah,

sekurang-kurangnya PH tidak boleh mendabik dada atau berkokok.

Hari ini, PH amat bongkak kerana mereka tertalu yakin semua Cina yang lebih kurang 30 peratus akan mengundi mereka.

Dengan sedikit tambahan undi Melayu, hasil usaha PKR dan Ikram, mereka yakin boleh menang.

Justeru, kepada Pas dan Umno saya merayu: Pertama, hadamkan politik matang itu apa? Kedua, siapa sebenarnya musuh kita.

Negara ini mesti diselamatkan daripada perancangan busuk ultra kiasu. Jika ultra kiasu merancang untuk membenam kita, apakah kita perlu berdiam diri dan terus bersangka baik?

Septutnya MCA lebih fokus menyerang DAP bukan saya. Saya tidak pernah mendengar MCA bertegang leher dengan seorang speaker wanita ultra kiasu yang berkahwin dengan lelaki India.

Kedua, ultra kiasu dipelopori Kristian Evengelis semakin berani. Bukan sahaja di Malaysia malah di Indonesia. Kenyataan Basuki Thahaja Purmana atau Ahok, gabenor Jakarta bertukaran Cina, Kristian, dikatakan bakal menjadi menjadi presiden Indonesia, sepatutnya membuka mata kita semua.

Ahok melarang sekolah-sekolah di Jakarta mewajibkan pelajar memakai tudung kalau pakaian itu dilayan seperti "kain lap" di dapur. Tidak betul mewajibkan pakaian itu walau majoriti penduduk

Indonesia beragama Islam. Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU), membantah larangan Ahok, dengan menyatakan ahli politik itu tidak perlu mengajar orang Islam tentang kefahaman agama mereka.

Ahok berkata konsep bertudung juga terdapat dalam Kristian dan Yahudi seperti kata Ahok, persoalannya adakah mereka mengamalkannya? Tidak! Mereka suka kepada yang pendek dan singkat.

Ketiga, umat Islam tidak sepatutnya menentang Rang Undang-Undang (RUU) 355, meskipun berasal dari Sarawak. Tahu bezakan antara tugas sebagai ahli parlimen dengan sebagai individu beragama Islam. Jika tidak setuju, diam sahaja. Jangan mengeluarkan kenyataan mengarut.

Keempat, amat malang umat Islam berada dalam keadaan rugi di mana jua berada. Tertalu bertkorban sehingga terkorban. Berbanding ultra kiasu. Dalam BN makan, dalam PH (PR) lagi kuat makan. Luar dalam makan belaka.

Bagaimana pula dengan nasib Melayu? Apa yang dibuat, semua tak kena. Amanah menyindir Pas sebagai pendekar Mustar kerana berpakaian Melayu dan bertanjak dan berkertis ketika AGM. Ultra kiasu yang membelah paha dan dada tidak pula dikatakan apa-apa. Jangalah jadi PANDir.

**Mohd Ridhuan Tee Abdullah Felo Utama, INSPIRE dan pensyarah PPI, UniSZA*